

## TM sediakan perkhidmatan litar suwa 34Mbps kepada UMP menerusi TM Direct



**T**elekom Malaysia Berhad (TM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani perjanjian untuk perkhidmatan litar suwa TM Direct baru-baru ini.

TM Direct membolehkan UMP menyediakan capaian Internet di seluruh kawasan kampusnya termasuk semua jabatan, bilik kuliah dan kafeteria.

TM juga menyediakan

perkhidmatan capaian Internet tanpa wayar serta akses ke e-browse iaitu perkhidmatan akhbar harian online BlueHippo.

Selain itu, semua pelajar UMP serta kakitangannya boleh melanggan perkhidmatan Streamyx pada harga promosi, yang disertakan dengan modem secara PERCUMA dan pengecualian yuran pengaktifan sebanyak RM75.

TM diwakili Naib Presiden, TM Retail, Bahagian Jualan, Kerajaan dan Enterprise, Ghazali Omar, sementara UMP diwakili Pengerusinya, Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib.



**TERMETERAI...** Ghazali (kiri) bertukar-tukar dokumen dengan Naib Cancelor, UMP, Profesor Datuk Dr Mohamad Saif Mat Lela, sambil disaksikan Hilmey.